

PERATURAN PERMAINAN BADMINTON

1.0 NAMA

Pertandingan ini dinamakan Kejohanan Badminton Berpasukan Campuran Sukan Staf UTeM (SUTAF).

2.0 PERATURAN PERTANDINGAN

Mengikut undang-undang dan Peraturan Am Sukan Staf UTeM (SUTAF) .yang dikuatkuasakan sepanjang pertandingan ini.

3.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Selain daripada peraturan-peraturan terkandung, pertandingan ini akan diputuskan mengikut **Undang-Undang Persekutuan Badminton Antarabangsa (BWF)** dan terjemahan **Persatuan Badminton Malaysia (BAM)** yang berkuatkuasa pada ketika ini.

4.0 KELAYAKAN PEMAIN

Rujuk Perkara 3.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf UTeM.

5.0 FORMAT PERTANDINGAN

5.1 Kejohanan akan dijalankan secara Berpasukan Campuran mengikut ketentuan berikut :-

- 5.1.1 Perlawanan Pertama : Beregu Lelaki 1
- 5.1.2 Perlawanan Kedua : Beregu Wanita 1
- 5.1.3 Perlawanan Ketiga : Beregu Lelaki 2

6.0

PEMBENTUKAN PASUKAN

6.1 Setiap pasukan yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini mestilah mengisi borang penyertaan yang disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan;

6.2 Setiap pasukan boleh mendaftar satu (1) pasukan seperti berikut :

BIL	PERKARA	JUMLAH
	Pengurus	1 orang
	Pemain Lelaki	5 orang
	Pemain Wanita	3 orang
	Jumlah	9 orang

6.3 Seorang pemain boleh bermain 1 acara sahaja di dalam sesuatu permainan; Hanya pemain yang berdaftar sahaja dibenarkan bertanding di sepanjang pertandingan ini.

7.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 7.1 Kiraan mata bagi setiap perlawanan ialah 30 mata dan pasukan akan bertukar gelanggang pada mata 16. Pasukan yang dahulu mencapai mata 30 akan di kira pemenang.
- 7.2 Peringkat kumpulan akan menggunakan sistem kiraan mata “Relay Point System” (21 mata);
- 7.3 Peringkat separuh akhir dan akhir akan menggunakan format “best of 2”.
- 7.4 Sistem kiraan mata bagi menentukan pemenang kumpulan adalah seperti berikut:

Menang	- 2
Kalah	- 0

- 7.5 Pasukan yang memperolehi mata yang terbanyak diistiharkan sebagai Johan Kumpulan dan yang kedua terbanyak sebagai Naib Johan. Sekiranya terdapat persamaan jumlah mata, maka penentuan pasukan yang layak ke pusingan seterusnya hendaklah berdasarkan turutan seperti berikut: -
- Jumlah perlawanan dimenangi
 - Jumlah permainan dalam perlawanan dimenangi
 - Perbezaan (“Different Matches” dari jumlah perlawanan)
Jumlah mata (perbezaan mata yang besar mendapat kemenangan)
 - Lambungan syiling

8.0 SISTEM CARTA & UNDIAN PERTANDINGAN

- 8.1 Pertandingan akan dijalankan menggunakan Sistem Liga kumpulan (pusingan awal) dan johan & naib johan kumpulan akan layak bermain di pusingan Kalah Mati.

8.2 Format Penentuan Kumpulan

JUMLAH Pasukan	Jumlah Kumpulan & Pasukan			
	Jumlah Kumpulan	Kump A	Kump B	Kump C
4	1	4	-	-
5		5	-	-
6	2	3	3	-
7		3	4	-
8		4	4	-
9	3	3	3	3
10		3	3	4

8.3 Cara satu (1) Kumpulan

8.3.1 Pusingan Awal

8.3.1.1 Sekiranya empat (4) atau lima (5) pasukan mengambil bahagian, Johan tahun lepas akan berada di A1, Naib Johan akan berada di A2, Tempat ke-3 akan berada di A3 dan seterusnya.

8.3.2 Pusingan Separuh Akhir – Akhir

8.3.2.1 Johan dan naib johan diperingkat liga kumpulan akan bermain **diperlawanan akhir bagi merebut pingat emas dan perak**, manakala pasukan di tempat ketiga dan keempat akan bermain diperlawanan penentuan tempat ke 3 dan ke 4 bagi merebut pingat gangsa.

8.4 Cara Dua (2) Kumpulan :

8.4.1 Pusingan Awal

8.4.1.1 Sekiranya enam (6) pasukan atau lebih mengambil bahagian, pasukan akan dibahagikan kepada dua (2) kumpulan iaitu kumpulan A & B dan pertandingan dijalankan secara liga.

8.4.1.2 Johan tahun lepas akan berada di kedudukan A1, Naib Johan akan berada di kedudukan B1 dan Tempat Ke-3 dan Ke-4 akan diundi untuk kedudukan A2 atau B2.

8.4.1.3 Sekiranya ada pasukan menarik diri sebelum jadual rasmi dijadualkan dalam mana-mana kumpulan dan hanya tinggal 2 pasukan sahaja dalam satu kumpulan, maka satu pasukan terakhir yang berada dalam kumpulan lagi satu akan dipindahkan secara automatik kedalam kumpulan yang tinggal 2 pasukan tersebut.

8.4.2 Pusingan Separuh Akhir

8.4.2.1 Johan kumpulan A akan bertemu dengan Naib Johan Kumpulan B dan Johan kumpulan B akan bertemu dengan Naib Johan kumpulan A dan perlawanan dijalankan secara kalah mati.

8.4.3 Pusingan Akhir

8.4.3.1 Pemenang bagi setiap perlawanan akan berlawan untuk menentukan Johan dan Naib Johan.

8.5 Cara Tiga (3) Kumpulan :

8.5.1 Pusingan Awal

8.5.1.1 Pasukan akan dibahagikan kepada kumpulan A, B, dan C.

8.5.1.2 Setiap kumpulan mengandungi 3 hingga 4 pemain.

8.5.1.3 Johan tahun lepas akan berada di kedudukan A1, Naib Johan akan berada di kedudukan B1 dan Ke-3 akan berada di tempat C1.

8.6.1 Pusingan Suku Akhir – Akhir

8.6.1.2 Johan dan Naib Johan kumpulan akan layak ke pusingan suku akhir. Susunan kedudukan adalah seperti berikut:



9.0 PERKARA LARANGAN

- 9.1 Pemain tidak dibenarkan meninggalkan gelanggang permainan kecuali dengan kebenaran Pengadil.
- 9.2 **Memakai selipar dan seluar pendek / jeans tidak dibenarkan semasa bermain.** Semua Ketua Pasukan adalah diminta memastikan semua pemain berpakaian kemas.
- 9.3 Pemain yang membawa telefon bimbit (handset), pastikan nada dering telah ditukar kepada 'vibrate mode' semasa berada di dalam dewan pertandingan.

10.0 ALATAN PERTANDINGAN

- 10.1 Peralatan pertandingan yang diguna pakai semasa pertandingan adalah mengikut Undang-undang seperti yang telah ditetapkan.
- 10.2 Para peserta hanya perlu membawa peralatan sendiri semasa kejohanan.

11.0 MENARIK DIRI/MENYERAH KALAH

- 11.1 Setiap pasukan/pemain hendaklah menghabiskan setiap perlawanan dan tidak boleh dengan sengaja memberi kemenangan percuma kepada pihak lawan melainkan telah mendapat pengesahan daripada Pegawai Perubatan yang disediakan oleh Pihak Penganjur.
- 11.2 Pasukan/pemain yang menarik diri dari perlawanan akan diberikan 3 mata kemenangan kepada pihak lawan dan semua keputusan sebelum penarikan tidak akan dikira (bergantung kepada keadaan)
- 11.3 Pihak Penganjur dan pengerusi permainan berhak membuat keputusan sekiranya ada perkara yang tidak dinyatakan dan keputusan adalah muktamad.

12.0 HADIAH & PEMENANG

Rujuk perkara 14.0 Peraturan AM Kejohanan Staf UTeM (SUTAF).

13.0 PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Rujuk perkara 17.0 Peraturan AM Kejohanan Staf UTeM (SUTAF).

14.0 RINGKASAN PINGAT

KATEGORI BERPASUKAN	EMAS	PERAK	GANGSA
Pegawai	1	1	1
Atlet	8	8	8
JUMLAH	9	9	9